

Peraturan Penggunaan Makmal Komputer/ Pusat Cyber

Pengguna makmal komputer / pusat cyber perlu mengikut peraturan - peraturan yang telah ditetapkan oleh Universiti. Semua makmal komputer / pusat cyber kini dilengkapi dengan kamera litar tertutup (CCTV) untuk memastikan aktiviti yang berlaku di dalam makmal Komputer / pusat cyber.

Peraturan-peraturan yang perlu dipatuhi adalah seperti berikut :

- Pelajar-pelajar diwajibkan memakai kad matrik semasa menggunakan makmal.
- Pelajar-pelajar dilarang memakai selipar, kain pelikat/ batik, pakaian ketat/ menjolok mata dan seluar pendek. Pelajar-pelajar hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dengan peraturan universiti.
- Pelajar-pelajar dilarang membawa makanan, minuman, fail poket dan beg ke dalam makmal. Pelajar-pelajar hendaklah meletakkan beg atau fail poket di tempat yang telah disediakan.
- Sebarang salah laku pelajar yang mencurigakan semasa menggunakan makmal adalah ditegah sama sekali.
- Pelajar-pelajar ditegah sama sekali mengubah sebarang perkakasan atau perisian yang terdapat di makmal seperti mengubah konfigurasi komputer dan lain-lain.
- Pelajar-pelajar dilarang menggunakan pelayar internet yang mendorong kepada gejala tidak sihat (LAMAN WEB LUCAH) atau yang seumpamanya.
- Pelajar-pelajar dilarang membawa / menggunakan laptop dan pencetak (printer) semasa menggunakan makmal.
- Pelajar-pelajar hendaklah melaporkan kerosakan ke atas perkakasan dan perisian yang digunakan. Sekiranya terdapat sebarang kerosakan ke atas kecuiaan dari pihak pelajar atau kehilangan ke atas perkakasan komputer yang digunakan maka pelajar tersebut akan dipertanggungjawabkan.
- Pelajar-pelajar dikehendaki menyusun semula kerusi dan lain-lain peralatan makmal seperti keadaan asal selepas menggunakan komputer.
- Pelajar-pelajar dilarang memakai kasut dan selipar di dalam makmal komputer / pusat cyber kecuali di makmal komputer / pusat cyber yang dibenarkan.
- Pusat Teknologi Maklumat tidak bertanggungjawab di atas apa jua kehilangan barang-barang pengguna (telefon bimbit, pen drive, beg dan sebagainya).